

17/02/2003

MT sedia bincang tangguhkan Perhimpunan Agung

BUTTERWORTH: Pandangan supaya Perhimpunan Agung Umno yang dijadualkan Jun depan ditangguhkan kepada Oktober mungkin dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno akan datang.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata perkara itu boleh dibawa ke mesyuarat MT dan biasanya dibincang pada peringkat pengurusan.

"Mesyuarat MT biasanya reviu perkara yang perlu kita buat seperti pastikan cawangan bermesyuarat, tarikh mesyuarat bahagian dan akhirnya kalau cawangan dan bahagian sudah bermesyuarat. Kita juga jadualkan bila diadakan Perhimpunan Agung.

"Ini (pandangan) mungkinlah kita sentuh dalam MT akan datang. Saya rasa adalah orang nanti yang akan bertanya dan membangkitkan perkara itu dan pihak pengurusan serta urus setia akan memberikan hujah mereka," katanya mengulas laporan sebuah akhbar.

Menurut ruangan Awang Selamat dalam Mingguan Malaysia semalam, ada pandangan supaya perhimpunan ditangguhkan kepada Oktober, sejurus selesai

Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata demikian selepas mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, merasmikan serentak persidangan Umno cawangan, Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri dalam Bahagian Kepala Batas di Dewan Milinium, Kepala Batas, dekat sini, semalam.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas perasmian Seminar Pemikiran Dr Mahathir Untuk Generasi Muda di Kompleks Masyarakat Penyayang, di Georgetown, Sri Khalil berkata kesedaran semakin kukuh ahli parti untuk membawa perubahan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Sehubungan itu, beliau berkata, hubungan rapat ahli yang dapat mengukuhkan perpaduan seharusnya menjadi kekuatan Umno untuk berdepan dengan pembangkang pada pilihan raya kelak.

"Ini dalam proses yang cepat berlaku. Saya yakin menjelang pilihan raya, Umno Kelantan akan lebih mantap. Peluang nak menang...ya kita ke arah itu," katanya.

Khalil juga berkata, Umno Kelantan sedang meningkatkan aktiviti dan banyak perubahan daripada segi hubungan baik secara praktikal sudah kelihatan.